



Penilaian 17

A. Padankan dan bincangkan produk keluaran Malaysia.

1.



Kelapa sawit



Perabot

2.



Buah koko



Tayar

3.



Kayu balak



Coklat

4.



Susu getah



Minyak masak

B. Jawab soalan di bawah.

Sokonglah Barangan Malaysia



Banyak faedah yang diperoleh apabila kita membeli produk tempatan. Harga produk tempatan seperti pakaian, makanan dan kenderaan lebih berpatutan berbanding dengan jenama luar negara. Kita dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga.

Pembelian produk tempatan dapat menyemai semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Kempen Sokonglah Jenama Malaysia, dapat menggalakkan rakyat membeli barangan buatan Malaysia. Seterusnya, kempen ini dapat memupuk perasaan cinta akan negara.

Selain itu, kita dapat memajukan industri tempatan. Terdapat pelbagai produk industri desa yang muncul **seperti cendawan tumbuh selepas hujan**. Industri ini membantu rakyat menambah pendapatan.

Pembelian produk tempatan juga dapat meningkatkan imej negara. Pelancong yang datang ke negara kita akan membeli produk tempatan yang berkualiti tinggi sebagai buah tangan untuk dibawa pulang ke negara mereka.

1. Nyatakan empat faedah membeli barangan tempatan.

2. Berikan maksud peribahasa **seperti cendawan tumbuh selepas hujan**.
